

Kor SISPA Diingat Sentiasa Berpegang Teguh Amalan Kerja Berintegriti

Terakhir dikemaskini: Rabu, 21 November 2018 17:10 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 169

[Kongsi 0](#)[Syorkan 0](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)**RABU, 21**

NOVEMBER – Ahli Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Kor SISPA) diingatkan agar sentiasa berpegang teguh kepada nilai-nilai kerja yang berintegriti.

Ketua Pesuruhjaya Pertahanan Awam Malaysia, Datuk Roslan Wahab berkata, amalan kerja berintegriti merupakan elemen yang penting bagi memacu tindakan seseorang pegawai agar tidak tersasar dari norma yang sepatutnya.

“Patuhi masa, bersikap profesional, tidak mengamalkan sikap negative dan sentiasa memberikan komitmen dalam tugas merupakan antara sifat yang perlu ada bagi menzahirkan seorang pegawai yang dinamik.

“Saya mengingatkan kepada anda semua untuk menjalankan tugas dengan amanah dan jangan sesekali terjebak dengan gejala negatif seperti rasuah, penyalahgunaan kuasa dan sebagainya,” katanya.

Beliau berkata demikian di hadapan ahli-ahli Kor SISPA Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersempena dengan Majlis Pentauliahkan Kor SISPA UMS Kali Ke-6 di Pantai Pusat Pembangunan Luar (ODEC) semalam.

Tambah beliau, para pegawai Kor SISPA yang ditauliahkan mampu menjadi contoh teladan kepada generasi muda dalam matlamat membudayakan amalan sukarelawan.

Pada majlis tersebut, seramai 51 pegawai kadet terdiri daripada 13 orang lelaki dan 38 orang wanita telah ditauliahkan.

Hadir sama pada majlis itu Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Negeri Sabah, Leftenan Kolonel Kamal Mokhtar dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) merangkap Komandan Kor SISPA UMS, Prof. Dr. Shahril Yusof.